

23 MAY 1997

LEAD Malaysia-Everest

PENDAKI MALAYSIA TAWAN PUNCAK EVEREST

KUALA LUMPUR, 23 Mei (Bernama) -- Dua pendaki negara tiba di puncak Gunung Everest dalam masa dua bulan dalam percubaan julung kali ekspedisi Malaysia untuk menawan puncak tertinggi dunia itu.

Setelah mengatasi semua halangan, seorang guru dari Klang, M.Magendran, 33, menjejakkan kaki di puncak setinggi 8,848m itu yang diseliputi salji untuk mengibarkan bendera Malaysia pada pukul 2.10 petang waktu Malaysia (11.55 waktu Nepal).

Kira-kira 15 minit kemudian, beliau disusuli oleh N.Mohandas, 35, seorang penolong pentadbiran di Shell Trading Sdn Bhd yang juga bapa kepada tiga orang anak.

"Saya berjaya melakukannya" -- ini merupakan perkataan pertama yang diucapkan oleh Magendra semasa beliau menghubungi ketua pasukan negara Mej Rizan Mat Hassan, yang menunggu di Kem Dua yang terletak pada ketinggian 6,492m gunung itu.

Berita kejayaan negara itu disampaikan pada pukul 2.15 petang (waktu Malaysia) kepada semua anggota pasukan Malaysia di Kem Pangkalan Everest (yang terletak pada ketinggian 5,400m).

Anggota krew Radio Televisyen Malaysia (RTM), Aminuddin Abu Samah, memberi maklumat terkini dan ulasan mengenai detik bersejarah itu kepada rakyat Malaysia menerusi siaran langsung selama enam jam dari Kem Pangkalan Everest itu.

Magendran dan Mohandas, yang diiringi oleh lima Sherpa, berada di puncak itu selama 40 minit walaupun angin bertiup kencang.

Antara mereka yang awal mengucapkan syabas kepada pasukan negara ialah Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang kini berada di London, dan pemangku Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Kejayaan penuh bahaya kedua-dua pendaki Malaysia itu dicapai seminggu sebelum pihak berkuasa Nepal menutup musim mendaki berikutan ketibaan monsun pada penghujung Mei atau awal Jun.

Dua pendaki Kanada dilaporkan turut tiba di puncak itu hari ini. Tujuh pendaki yang terdiri daripada pelbagai warganegara terkorban semasa melakukan misi yang sama minggu lepas.

Magendran dan Mohandas merupakan sebahagian daripada pasukan empat anggota akhir yang memulakan pendakian ke puncak itu pada pukul 11 malam (waktu Nepal) semalam dari Col Selatan, yang juga dikenali sebagai Kem Empat, yang terletak pada ketinggian 8,000m.

Tetapi dua daripada anggota pasukan itu, Mohd Fauzan Hassan dan Gary Choong, menarik diri. Mohd Fauzan, 39, dinasihati oleh Sherpa supaya menarik diri empat jam kemudian setelah menghadapi sakit perut.

Dua jam kemudian, Choong, 29, yang keletihan terpaksa diiringi turun ke Col Selatan oleh dua Sherpa, demikian menurut sekretariat Projek Malaysia-Everest '97 di sini.

Magendran dan Mohandas dilaporkan akan turun ke kem itu dan bermalam di situ sebelum terus turun ke bawah.

Pendakian dari Kem Empat ke puncak gunung yang sejauh kira-kira 800m itu memakan masa selama 12 jam dengan pendaki terpaksa melalui satu kawasan curam dan bahaya iaitu "Hillary Step" yang dinamakan sempena pendaki pertama ke puncak Everest, Edmund Hillary dari New Zealand.

Magendran dan Mohandas akan disertai Mohd Fauzan dan Choong yang berada di Kem Empat untuk perjalanan turun.

Tiga lagi pendaki sokongan iaitu Mej Rizan, S. Moorthy dan Borhan

Ibrahim yang berada di Kem Dua (6,492m) akan mengiringi perjalanan turun kesemua pendaki berkenaan.

Dua lagi pendaki yang termasuk dalam 10 pendaki awal ke puncak ialah pendaki wanita Teoh Lee Lee dan Aimy Zairin Mohamed, yang terpaksa membatalkan hasrat pendakian selepas diserang kesakitan berpunca daripada keadaan ketinggian dan sakit kerongkong.

Kesemua pendaki itu ialah sebahagian daripada kumpulan 20 anggota dari Malaysia diketuai Nor Ramllee Sulaiman.

Pada mulanya, percubaan mendaki dijadualkan pada 9 Mei tetapi berikutan keadaan angin kencang sehingga 120 km sejam di kawasan Kem Empat, pendaki Malaysia serta pendaki negara lain terpaksa turun hingga ke Kem Pengkalan.

Ekspedisi Projek Malaysia-Everest `97, yang diilham dan dilancarkan oleh Dr Mahathir pada 4 Jun tahun lepas, dianggap satu projek kebanggaan negara.

Dr Mahathir turut menyerahkan bendera Malaysia kepada kumpulan pendaki itu pada 28 Feb lepas sehari sebelum mereka berlepas ke Nepal.

Pasukan pendaki negara tiba di Kem Pengkalan Everest pada 26 Mac dan pada 1 April dengan 10 pendaki memulakan proses menyesuaikan diri kepada ketinggian kawasan.

Selepas enam minggu menjalani latihan ketinggian, lima pendaki dipilih untuk menyertai kumpulan akhir ke puncak manakala selebihnya sebagai kumpulan sokongan. -- BERNAMA

TCL RAZ ZAB NAK